



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI KELANTAN**

**KENYATAAN SEBUT HARGA
(JBPM/KN/07/2023) & (JBPM/KN/08/2023)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan sahaja dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:

Jabatan	Tajuk Sebut Harga	Taraf/ Jenis Syarikat/ Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh, Masa Dan Tempat Taklimat
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI KELANTAN	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL KEROSAKAN PILI BOMBA DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI BALAI-BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI KELANTAN – KAWASAN JAGAAN ZON 1 Dan KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL KEROSAKAN PILI BOMBA DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI BALAI-BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI KELANTAN – KAWASAN JAGAAN ZON 2	Gred: G1 Kategori: CE Pengkhususan CE20 (Sijil/ Lesen hendaklah masih dalam tempoh sah laku sehingga tempoh siap kerja)	<u>Taklimat dan Lawatan Tapak</u> Kehadiran : DIWAJIBKAN Tarikh : 10HB APRIL 2023 (ISNIN) Masa : 11.00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan * KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN DAN PERLU DIHADIRI OLEH PENAMA DI DALAM PERAKUAN PENDAFTARAN SAHAJA.

2. Dokumen Sebutharga akan **DIEMAILKAN** kepada tuan-tuan selewat-lewatnya 3 hari selepas selesai seisi taklimat. Mohon lengkapkan alamat email yang betul dan lengkap semasa kehadiran taklimat/lawatan tapak. Pastikan alamat email tersebut adalah berstatus **AKTIF**.

3. Sijil asal Pendaftaran Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perakuan Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) hendaklah **masih dalam tempoh sahlaku** dan hendaklah dikemukakan semasa kehadiran untuk taklimat/ lawatan tapak. **Dokumen sebutharga tidak akan dikeluarkan kepada mereka yang gagal mengemukakan alamat email yang tepat.**

4. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi dan memenuhi semua syarat seperti arahan kepada penyebut harga **Bil. JBPM/KN/07/2023** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan Nombor Sebut Harga** di penjurukan kanan sampul surat. Dokumen Sebut Harga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah ditetapkan di **Cawangan Pengurusan Kewangan, Tingkat 2 Utara, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Kelantan** sebelum atau pada pukul 12.00 tengah hari, **18 APRIL 2023 (Selasa)**. Sebut Harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Tarikh : 04/04/2023

